

E-Management Team Anjur Bengkel 'System Development' Peringkat IPTA Seluruh Malaysia

E-MANAGEMENT TEAM ANJUR BENGKEL 'SYSTEM DEVELOPMENT' PERINGKAT IPTA SELURUH MALAYSIA

5 Februari 2003 - Bertempat di Swiss Garden Hotel, Beserah, pihak E-Management Team KUKTEM telah menganjurkan Bengkel System Development peringkat IPTA-IPTA seluruh Malaysia. Bengkel tersebut telah berlangsung pada 4 Februari yang lalu dan dihadiri oleh seramai 35 orang peserta yang terdiri daripada juruanalisa-jruanalisa sistem.

Bengkel ini telah dirasmikan oleh Rektor KUKTEM, Prof. Dato Dr Abu Azam Md Yassin. Beliau antara lainnya mengutarakan isu hala tuju IPTA ke arah pengkorporatan universiti dan keperluan Unit IT dalam menangani cabaran semasa dan akan datang khususnya dalam isu Knowledge Workers dan kepentingan maklumat. Beliau juga menekankan keperluan pembangun-pembangun aplikasi memahami dan memenuhi keperluan pengguna masakini yang pelbagai.

Menurut Ketua Unit Pusat Teknologi Maklumat KUKTEM, Pn. Wan Maseri Wan Mohd., program ini merupakan langkah pertama pihak Sekretariat Pengarah-pengarah Pusat Komputer IPTA Malaysia dalam membincangkan halatuju dan perlaksanaan agenda ICT di universiti masing-masing.

Bagi program yang pertama ini, antara topik yang dibincangkan ialah Sistem Pengurusan Akademik Pelajar, Sistem Kewangan dan Sistem Pentadbiran (E-Meeting). Seramai 11 orang wakil daripada pelbagai IPTA telah membentangkan konsep, idea, pengalaman dan cabaran dalam topik-topik yang telah dibincangkan.

Wakil-wakil IPTA juga sebulat suara bersetuju untuk meneruskan program ini pada bulan April akan datang dengan topik-topik seperti Sistem E-learning, Sistem Tempahan Pengangkutan dan Tuntutan, Keselamatan Sistem, Aplikasi Smart Card, Sistem Perolehan dan beberapa topik lain yang ditentukan kemudian.

Bengkel ini diakhiri dengan lawatan ke Kampus KUKTEM di Bandar Indera Mahkota.

Posted By : ARMAN BIN A. RAHIM Date Posted : 08-02-2003, 10:13:39